



**KEMENTERIAN TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM**

Bil	Berita	Media	Capaian Berita Penuh
1.	<a href="#"><u>In Malaysia, a snag in US search for alternative to Chinese rare earths</u></a>	Scmp.com	Klik pada tajuk berita
2.	<a href="#"><u>Maszlee: Closure of Simpang Renggam CEP 1 landfill talks underway</u></a>	Malaymail	Klik pada tajuk berita
3.	<a href="#"><u>Officials hold talks on closing Simpang Renggam landfill</u></a>	Free Malaysia Today	Klik pada tajuk berita
4.	<a href="#"><u>Spain caught sending illegal waste to Malaysia</u></a>	Euro weekly news	Klik pada tajuk berita
5.	<a href="#"><u>Kiland proses sisa plastik lepasi ulasan teknikal JAS</u></a>	Utusan Malaysia	Klik pada tajuk berita
6.	<a href="#"><u>Kiland plastik ancam nyawa</u></a>	Kosmo!	Rujuk lampiran 1

**TEMPATAN**

Bil	Berita	Media	Capaian Berita Penuh
7.	<a href="#"><u>Over to you Sarawak Energy</u></a>	Borneo Post	Klik pada tajuk berita
8.	<a href="#"><u>Malaysia komited main peranan utama sebagai pemain teknologi biofuel</u></a>	Berita Harian	Klik pada tajuk berita
9.	<a href="#"><u>Meter pintar: TNB pelawa pengguna bersemuka / Pelanggan dipelawa jumpa pegawai TNB</u></a>	Utusan Malaysia	Klik pada tajuk berita / Rujuk lampiran 2



10.	<a href="#"><b>Bil elektrik tinggi: Pelanggan di Melaka boleh semak bil secara bersemuka</b></a>	Berita Harian	Klik pada tajuk berita
11.	<a href="#"><b>Check smart meter billing at TNB Banda Kabar this Tuesday to Friday</b></a>	The Sun Daily	Klik pada tajuk berita
12.	<a href="#"><b>Penduduk bantah operasi kilang proses sisa plastik</b></a>	Utusan Malaysia	Klik pada tajuk berita / Rujuk lampiran 3
13.	<a href="#"><b>UK Plastic Waste Found Near Ipoh</b></a>	New Straits Times	Rujuk lampiran 4
14.	<a href="#"><b>TNB: Smart meter accurate</b></a>	The Star	Rujuk lampiran 5
15.	<a href="#"><b>Penggunaan botol air elak penggunaan plastik di Bazar Ramadan</b></a>	Kosmo!	Rujuk Lampiran 6

## ANTARABANGSA

Bil	Berita	Media	Capaian Berita Penuh
16.	<a href="#"><b>Gempa bumi kuat 8.0 magnitud landa Peru</b></a>	Astro Awani	Klik pada tajuk berita
17.	<a href="#"><b>Gempar bumi kuat gegar Peru</b></a>	Utusan Malaysia	Klik pada tajuk berita
18.	<a href="#"><b>Gempa 8.0 landa Peru</b></a>	Kosmo!	Klik pada tajuk berita
19.	<a href="#"><b>Satu maut kejadian gempa bumi di Peru</b></a>	Astro Awani	Klik pada tajuk berita
20.	<a href="#"><b>Jepun bakal dilanda gempa, tsunami lebih dahsyat daripada bencana 2011 - Pakar</b></a>	Astro Awani	Klik pada tajuk berita



21.	<u>Kaca kuning Mesir purba daripada meteorit 29 juta tahun lalu</u>	Kosmo!	Rujuk Lampiran 7
22.	<u>Rusia lancar kapal pemecah ais nuklear</u>	Kosmo!	Rujuk Lampiran 8



**LAMPIRAN 1**  
**KOSMO! (DALAM NEGARA): MUKA SURAT 6**  
**TARIKH: 27 MEI 2019 (ISNIN)**

Penduduk tidak tahan bau busuk asap plastik, dakwa kesihatan dan ekonomi terjejas

# Kilang plastik ancam nyawa

Oleh MUHAMMAD  
AYMAN GHAFFA

**S**EPANG - Seramai 12,000 penduduk daripada lima buah kampung di sini mendesak pihak berkuasa mengambil tindakan ke atas sebuah kilang memproses sisa plastik kerana sudah tidak tahan dengan bau busuk yang didakwa menjejaskan kesihatan, alam sekitar dan tanaman mereka.

Difahamkan, kilang yang beroperasi sejak setahun lalu itu mengeluarkan bau busuk seperti plastik dibakar hingga mengakibatkan pencemaran udara yang tersebut dalam lingkungan 7 kilometer dan menjejaskan penduduk di Kampung Baru Sepang, Sungai Keroh, Tanjung Mas, Jelutong Indah dan Sungai Pelek.

Penduduk mendakwa, kilang tersebut disambung kira-kira dua minggu lalu setelah dihentikan sekitar Mac lepas sebaik memperoleh permit sementara selama enam bulan.

Dakwanya, kilang itu boleh beroperasi sedangkan kami mendapat maklumat ia masih belum mempunyai laporan kajian impak alam sekitar? Kami harap Majlis Perbandaran

lewat pagi hingga membentuk kerisauan dan suasana tidak menyenangkan kepada penduduk kampung.

"Kami terpaksa tahan bau busuk setiap hari yang boleh membahayakan kesihatan. Ia juga boleh mencemarkan Sungai Sepang Besar di belakang kilang tersebut seperti yang berlaku di Sungai Kim-Kim di Pasir Gudang, Johor baru-baru ini.

"Bagaimana kilang itu boleh beroperasi sedangkan kami mendapat maklumat ia masih belum mempunyai laporan kajian impak alam sekitar? Kami harap Majlis Perbandaran

Sepang (MPSepang) mengkaji semula permohonan yang diberikan kepada kilang tersebut," dakwanya.

Joshua ditemui ketika menyertai bantahan aman bersama 50 penduduk yang diadakan di hadapan kilang tersebut semalam.

Sementara itu, seorang penduduk, Henry Tong, 36, mendakwa, ada penduduk yang mengalami gejala gatal badan dan sering demam sejak akhir-akhir ini.

"Bukan mahu menuduh namun ada kemungkinan penyakit itu berpunca daripada pencemaran udara di sini. Kilang seperti itu tidak diperlukan di sini



HASIL buah naga didakwa menurun secara mendadak ekoran pencemaran udara yang disebabkan oleh kilang plastik di Sungai Pelek.

dan saya harap pihak berkuasa mengambil serius perkara tersebut," dakwa bekas Ahli Majlis MPSepang itu.

Dalam pada itu, seorang pekebun buah naga, Sean Ng, 33, mendakwa, kebun miliknya keluarganya yang terletak bersebelahan kilang tidak dapat mengeluarkan hasil yang baik sejak setahun lalu ekoran pencemaran udara di situ.

"Biasanya kebun mampu menghasilkan buah naga sehingga 2 tan sebulan namun sejak kilang itu beroperasi, pokok hanya mampu mengeluarkan 200 kilogram buah bagi

tempoh sama," dakwanya yang telah berniaga sejak 13 tahun lalu.

Sementara itu, Yang Dipertua MPSepang, Mohd. Fauzi Mohd. Yatim berkata, permit semestari dikeluarkan selepas syarikat itu melepassi ulasan teknikal daripada Jabatan Alam Sekitar (JAS) pada 5 April lalu.

"Syarikat itu dilaporkan telah memasang alat kawalan pencemaran udara dan membina sistem pengolahan effluent seperti yang dikehendaki mengikut Akta Alam Sekeliling 1974," katanya ketika dihubungi.



JOSHUA TEE



HENRY TONG

mendakwa, operasi kilang tersebut disambung kira-kira dua minggu lalu setelah dihentikan sekitar Mac lepas sebaik memperoleh permit sementara selama enam bulan.

Dakwanya, kilang itu boleh beroperasi sedangkan kami mendapat maklumat ia masih belum mempunyai laporan kajian impak alam sekitar? Kami harap Majlis Perbandaran



**LAMPIRAN 2**  
**UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI): MUKA SURAT 8**  
**TARIKH: 27 MEI 2019 (ISNIN)**



## Pelanggan dipelawa jumpa pegawai TNB

**MELAKA 26 Mei** - Tenaga Nasional Berhad (TNB) mempelawa orang ramai bersempena dengan pegawainya bagi menyelesaikan masalah berkaitan meter pintar yang didakwa menyebabkan bil elektrik naik seperti yang tular dalam laman sosial kebelakangan ini.

TNB dalam satu kenyataan berkata, orang ramai berpeluang untuk menyemak bil mereka serta bertanyakan mengenai masalah dihadapi mereka sempena Hari Bersama Pelanggan di pejabat TNB Jalan Banda Kaba pada 28 hingga 31 Mei ini.

Menurut kenyataan itu, pihaknya bersedia memberikan maklumat dan langkah penyelesaian termasuk mengkreditkan lebihan bayaran dalam bil pelanggan jika terbukti terdapat lebihan caj.

“Pengguna berkelapangan yang ingin menyemak bil elektrik mereka secara bersempena dengan pegawai khidmat pelanggan TNB disarankan hadir pada tarikh tersebut mulai

pukul 8.30 pagi hingga 4 petang,” jelas kenyataan itu, di sini hari ini.

Menurut kenyataan itu lagi, pihak TNB menegaskan bahawa meter pintar yang dipasang di Melaka mencatatkan bacaan tepat dan bukan menjadi penyebab kenaikan bil seperti yang ditularkan.

“Semakan terhadap aduan segelintir pengguna didapati berpunca daripada kesilapan semasa pemasangan meter, meter terdahulu yang tidak lagi efisien dan tidak lagi merekodkan bacaan tepat, usikan pada meter lama (*meter tampering*) dan faktor-faktor berkaitan pembilan,” tambah kenyataan itu.

Selain itu, pengguna juga boleh menghubungi pegawai khidmat pelanggan TNB di talian 1300-88-5454 atau mengunjungi mana-mana pejabat TNB di Pekan Alor Gajah, Bandar Jasin, Merlimau dan Pusat Transformasi Bandar (UTC) di Jalan Hang Tuah untuk sebarang pertanyaan lanjut.



**LAMPIRAN 3**  
**UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI): MUKA SURAT 14**  
**TARIKH: 27 MEI 2019 (ISNIN)**

# Penduduk bantah operasi kilang proses sisa plastik

Oleh SOFIAN BAHAROM  
sofian.baharom@utusan.com.my

■ SEPANG 26 MEI

**M**EMUDARATKAN kesihatan dan mengancam alam sekitar.

Itu kekhawatiran penduduk sekitar kawasan ini terhadap operasi sebuah kilang pemprosesan sisa plastik didakwa dari China, sejak dua minggu lalu.

Dianggarkan, sebanyak 12,000 penduduk kawasan sekitar terjejas.

Kebimbangan penduduk itu dizahirkan menerusi satu perhimpunan aman di depan kilang terbabit di Jalan Sepang, Batu 2, hari ini yang dihadiri lebih 50 orang terdiri daripada penduduk sekitar Sungai Pelek dan Sepang.

Pada perhimpunan tersebut, penduduk pelbagai kaum telah menyuarakan bantahan mereka dan mahu pihak berwajib menutup operasi kilang terbabit serta-merta.

Wakil penduduk, **Joshua Tee**, 40, berkata, berdasarkan maklumat daripada mereka yang pernah bekerja di kilang terbabit sebelum ini, terdapat banyak kontena dari luar negara dilihat dibawa masuk ke dalam kilang berkenaan untuk diproses.

Operasi kilang berkenaan



PENDUDUK sekitar Sungai Pelek dan Sepang mengadakan demonstrasi membantah kewujudan kilang memproses sisa plastik di Bagan Lalang, Sepang. - UTUSAN/FAISOL MUSTAFA

menurutnya, dijalankan pada lewat malam iaitu antara pukul 12 tengah malam dan awal pagi.

Jelasnya, kerja-kerja pemprosesan plastik itu menyebabkan risiko pembekasan gas-gas berbahaya yang dikhawatir mencemar Sungai Sepang Besar yang terletak di belakang kilang terbabit.

"Kita tidak mahu sungai kita menjadi Sugai Kim Kim kedua. Kita tidak mahu pencemaran menjadi teruk menyebabkan kita membazir banyak duit untuk membersihkan sungai.

"Kita juga apabila bangun pagi akan terhidu bau hangus dari kilang ini. Kita tahu ada

yang tidak kena," katanya kepada pemberita selepas perhimpunan berkenaan.

Joshua yang juga Pengurus Gabungan Persatuan Cina dan Pertubuhan Rumah Berhala Kawasan Sungai Pelek dan Sepang menegaskan, pihaknya bersama raihan bagaimana kilang terbabit memperoleh permit sementara untuk beroperasi memandangkan ia telah ditutup pada Mac lalu kerana tiada lesen.

Beliau berkata, pihak pengurusan kilang masih belum mendapatkan laporan kajian impak alam sekitar (EIA) memandangkan permohonan yang diberikan kepada kilang tersebut adalah per-

mit sementara.

Jelas beliau, pihaknya dihafamkan bahawa Majlis Perbandaran Sepang (MPSepang) Selasa ini akan mengadakan satu mesyuarat bagi menentukan sama ada permulakan kerja-kerja akhir diteruskan atau sebaliknya.

"Oleh itu kita telah ke MPSepang untuk menyerahkan memorandum dan hari ini kita meluahkan rasa tidak puas hati kita," katanya.

Dalam pada itu, seorang penduduk, **Henry Tong**, 36, menggesa MPSepang tidak tergesa-gesa dalam tindakan mereka kerana ia melibatkan soal kesihatan dan alam sekitar.

## REAKSI



"SAYA mewakili penduduk yang tinggal di kawasan ini. Kita bau asap pemprosesan kilang ini pada waktu

malam. Jadi kita mohon pihak berkuasa untuk menghentikan operasi kilang ini."

"Diharapkan usaha kami untuk mengetengahkan isu ini mendapat perhatian pihak berkuasa. Kami bermesej jelas yang kami tidak mahu sebuah kilang pemprosesan sisa plastik di kawasan kami."

**NORHAYATI ABD. KADIR**  
Penduduk Kampung Tanjung Mas Batu 2 Sepang



"BUAH naga kami tidak berbau seperti biasa selepas operasi kilang ini. Kalau ada pun sedikit

sahaja, banyak berpenyakit dan tidak boleh dijual. Sejak kilang itu beroperasi, terdapat habuk sisa di tanaman kami."

"Dahulu kita boleh keluarkan dua tan buah naga sebulan tetapi kini dalam 100 hingga 200 kilogram sahaja. Penjual pun sudah tidak mahu mengambil dari kita."

**SEAN NG**  
Pengusaha tanaman buah naga

**LAMPIRAN 4**  
**NEW STRAITS TIMES (NATION/ NEWS): MUKA SURAT 11**  
**TARIKH: 27 MEI 2019 (ISNIN)**



Malaysia took in 130,000 tonnes of plastic waste from Britain last year. FILE PIC

6M-HIGH MOUND

# UK PLASTIC WASTE FOUND NEAR IPOH

Waste found in jungle is from British supermarkets, recycling depts

TEOH PEI YING  
KUALA LUMPUR  
news@nst.com.my

**P**LASTIC waste from Britain intended for recycling had been found dumped at a wasteland near Ipoh.

A British daily quoted a report by BBC, which featured British TV presenter Hugh Fearnley-Whittingstall discovering a 6m-high mound of plastic waste deep in the jungle of Perak.

Daily Mail Online reported that the environmental catastrophe "has the fingerprints of British 'supermarkets and council recycling departments' all over it."

"It's like some dystopian nightmare... a plastic planet," Fearnley-Whittingstall, who is also a celebrity chef, was quoted as saying.

According to the same report, Fearnley-Whittingstall also spotted British local authority-branded recycling

bags, which suggested that householders dutifully filling their green bins in the belief they were helping the environment had been lied to.

"When we put this in our recycling bin back in the United Kingdom, we think we're doing the right thing. I do my recycling and I feel good about it. At least I used to. I don't feel so good now. I feel embarrassed, I feel ashamed, I feel angry, I feel I've been lied to," he said.

Fearnley-Whittingstall pulled out plastic bags and packaging from M&S, Tesco, Sainsbury's, Asda and Waitrose.

Daily Mail Online reported that among the tonnes of supermarket waste were local council recycling bags, split or torn, suggesting that they were used for their intended purpose by well-meaning Britons.

Last year, 665,000 tonnes of plastic waste were exported by the UK. Until 2018, China was the biggest recipient. However, the Chinese government recently imposed a ban on the export.

Malaysia now takes in a large amount of plastic waste from the British. The country took in 130,000 tonnes last year.

The report will be shown in a three-part BBC documentary co-hosted by Fearnley-Whittingstall and Countryfile's Anita Rani on June 10.



**LAMPIRAN 5**  
**THE STAR (NATION): MUKA SURAT 16**  
**TARIKH: 27 MEI 2019 (ISNIN)**



SEORANG peniaga, Mohd. Ikram Abdul Manaf melayan pelanggannya yang tertarik dengan kaedah jualan pelbagai jenis minuman menggunakan botol air bagi mengelak penggunaan plastik di Bazar Ramadan Padang Matsirat, Langkawi semalam.

**LAMPIRAN 9**  
**KOSMO! (DALAM NEGARA): MUKA SURAT 3**  
**TARIKH: 27 MEI 2019 (ISNIN)**

# TNB: Smart meter accurate

Previous bill spikes due to various other factors, says company

**MELAKA:** Tenaga Nasional Bhd (TNB) has reaffirmed that its smart meter system works efficiently and there is no misreading on the actual monthly power usage.

The company said it was aware of the complaints from consumers that their monthly bills had soared drastically since converting to the smart meters.

"It was discovered that the readings were accurate. The previous charges were low due to several factors, including meter tampering," the company said in a statement yesterday.

It added that consumers, however, could still visit the TNB office at Jalan Banda Kaaba from tomorrow until Friday 28 during office hours if they had doubts over their bills.

"Reimbursements will be given if users are overcharged," it said.

Earlier this month, Chief Minister Adly Zahari urged TNB to ensure the smart meter system was implemented properly, including its myTNB application that allows consumers to monitor their electricity consumption via their smartphones and help them reduce usage.

"There are several problems that TNB must look into. For instance, what is shown on myTNB is not the same as on the meter.

"The application is also said to often be disrupted and difficult to access," he said.

Melaka is among the pioneer states to introduce the smart meter and to date, over 300,000 households are already using it.



Still reliable: TNB says the smart meters are working well, with no major reading errors.

**LAMPIRAN 7**  
**KOSMO! (DUNIA): MUKA SURAT 41**  
**TARIKH: 27 MEI 2019 (ISNIN)**

## Kaca kuning Mesir purba daripada meteorit 29 juta tahun lalu

KAHERAH, Mesir – Satu kajian mendakwa kaca unik yang ditemui di padang pasir Mesir telah dihasilkan daripada impak sebuah meteorit kira-kira 29 juta tahun dahulu, sekali gus membongkar teka-teki bagaimana ia dihasilkan, lapor akhbar *Daily Mail*.

Penyelidik percaya asal-usul batuan yang dipanggil Kaca Padang Pasir Libya yang bertaburan di Gurun Sahara di Mesir dan Libya itu terbentuk apabila sebuah meteorit meletup di lapisan atmosfera Bumi.

Kaca itu terbentuk secara semula jadi apabila bahan binaannya mencair dan menyejuk secara pantas menyebabkan molekul di dalamnya tidak membentuk struktur sepatutnya seperti sebutir kristal.

"Ia menjadi topik perdebatan yang



KACA Padang Pasir Libya yang ditemui bertaburan di sepanjang gurun di Mesir.

berterusan sama ada kaca itu terbentuk ketika kesan impak meteorit itu atau ketika letupan yang berlaku di udara," kata penyelidik daripada Universiti

Curtin, Aaron Cavosie tentang kajian tersebut.

Kajian itu mendapati letupan di udara tersebut turut menyebabkan kemusnahan teruk pada harta benda dan mencederakan manusia.

"Impak meteorit itu merupakan satu bencana walaupun ia tidak berlaku dengan kerap. Letupan di udara sebenarnya berlaku lebih kerap daripada disangkakan tetapi kita boleh jangkakan bahawa insiden besar seperti di Libya 29 juta tahun lalu itu tidak akan berulang dalam masa terdekat," katanya.

Kaca tersebut boleh digunakan pada pelbagai perhiasan purba termasuk azimat berbentuk kumbang yang ditemui pada perhiasan dada di sebelah mumia Firaun Tutankhamun. – Agensi



SERPIHAN berwarna hijau kekuningan itu turut diletakkan pada keranda Visera Tutankhamun.

GETTY IMAGES

**LAMPIRAN 8**  
**KOSMO! (DUNIA): MUKA SURAT 42**  
**TARIKH: 27 MEI 2019 (ISNIN)**



KAPAL pemecah ais berkuasa nuklear, *Ural* berada di sebuah limbungan di bandar St Petersburg, Rusia kelmarin.

## Rusia lancar kapal pemecah ais nuklear

**ST PETERSBURG, Russia** – Rusia melancarkan sebuah kapal pemecah ais berkuasa nuklear kelmarin sebagai sebahagian daripada rancangan memperbaharu dan menambah bilangan kapal berkenaan bagi menorek potensi Benua Artik dari sudut komersial.

Dikenali sebagai *Ural*, kapal itu terapung di sebuah limbungan di bandar St Petersburg. Ia merupakan satu daripada tiga buah kapal yang mana apabila siap kelak, akan menjadi kapal pemecah ais terbesar dan paling berkuasa di dunia.

Rusia sedang membina infrastruktur baru dan membaik pulih pelabuhan-pelabuhan sebagai perse-

diaan untuk menjadikan Laluan Laut Utara (NSR) boleh dilalui sepanjang tahun.

Kapal *Ural* itu akan diserahkan perbadanan tenaga atom negara, Rosatom pada tahun 2022 selepas dua kapal pemecah ais lain dalam siri tersebut, *Arktika* dan *Sibir* memulakan perkhidmatan.

“*Ural* bersama kapal-kapal tersebut adalah penting kepada projek strategik kami bagi membuka NSR daripada lapisan ais untuk aktiviti sepanjang tahun.” Ketua Pegawai Esekutif Rosatom, Alexey Likhachev diperlakukan sebagai berkata.

Sementara itu, Presiden Rusia, Vladimir Putin berkata, menjelang

tahun 2035, armada Artik Rusia akan mengendalikan sekurang-kurangnya 13 kapal pemecah ais tugas beras, sembilan daripadanya akan dijana kuasa nuklear.

Rantau Artik mempunyai simpanan minyak dan gas menyamai 142 bilion tong minyak mentah atau 22 peratus daripada sumber minyak dunia yang masih belum ditemui.

Moscow berharap NSR yang bermula dari bandar Murmansk ke Selat Bering dekat Alaska akan dapat digunakan kerana ia memendekkan pelayaran dari Asia ke Eropah.

Direka oleh 75 orang, kapal *Ural* boleh memecahkan ais setebal 3 meter. – Reuters